

E ISBN : 978-629-96540-9-4

CONFERENCE
PROCEEDING



2nd SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN TEKNIKAL 2025 (2nd SKPPT 2025)

KUALA LUMPUR, MALAYSIA

17 MARCH 2025

ORGANIZED BY:





Copyright © 2025

ACADEMIC INSPIRED NETWORK

All rights reserved. No part of this proceeding may be reproduced in any form, except for the inclusion of brief quotations in review, without permission in writing from the author/publisher.

eISBN: 978-629-96540-9-4

Published by:
ACADEMIC INSPIRED NETWORK
(KT 0416380 – P)
Kota Bharu
Kelantan

TABLE OF CONTENTS

1. A MODIFICATION LAB APPARATUS STANDARD PROCTOR TEST “PROCTOR MOULD STAND OPTIMIZATION (PMSO)” ...	1
2. ALAT PENGOREK ISI KELAPA MUDA	10
3. ANTIMICROBIAL ACTIVITY OF BANANA RIPE PEELS EXTRACT AGAINST FOOD BORNE PATHOGENIC BACTERIA (<i>STAPHYLOCOCCUS AUREUS</i> AND <i>ESCHERICHIA COLI</i>).....	17
4. EFFECT OF COCONUT SAP STARTER ON MICROBIOLOGICAL AND PHYSICOCHEMICAL CHARACTERISTICS SOURDOUGH BREAD	26
5. EXPLORING THE IMPACT OF TECHNOLOGY ON IMPULSE BUYING AND CREDIT USAGE IN MALAYSIA	37
6. GUIDELINES TO START STOCK INVESTMENT IN BURSA MALAYSIA.....	49
7. HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH	58
8. HUBUNGAN KESEDARAN PELAJAR TERHADAP PELANGGARAN ETIKA DALAM PENULISAN AKADEMIK, DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2	68
9. EXPLORING THE FACTORS INFLUENCING PARTICIPATION IN CASH WAQF FOR EDUCATIONAL FINANCING: A CONCEPTUAL STUDY OF BEHAVIORAL INTENTIONS.....	69
10. HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK METrO KUANTAN.....	79

HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK METrO KUANTAN

Wan Muhamad Fitri bin Wan Zahari ¹
Hasni bin Hassan ¹

¹ Politeknik METrO Kuantan, Pahang

Abstract : *Penggunaan media sosial telah menjadi salah satu aktiviti harian yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan pelajar masa kini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan media sosial dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Kuantan. Penggunaan media sosial yang meluas dalam kalangan pelajar menimbulkan persoalan samada ia memberi kesan terhadap prestasi akademik mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik Social Media Addiction Scale Student Form (SMAS-SF) sebagai instrumen pengumpulan data. Seramai 141 pelajar telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Data yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan Ujian Korelasi Pearson bagi menentukan hubungan antara penggunaan media sosial dan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa Whatsapp dan TikTok merupakan platform yang paling kerap digunakan dengan kebanyakan pelajar meluangkan purata 5–6 jam sehari di media sosial. Tahap ketagihan media sosial dalam kalangan pelajar didapati berada pada tahap ringan hingga sederhana, dengan hanya sebilangan kecil mengalami ketagihan teruk. Namun, ujian korelasi menunjukkan bahawa hubungan antara penggunaan media sosial dan pencapaian akademik adalah sangat lemah dan tidak signifikan ($r = 0.078$, $p = 0.357$). Ini bermaksud bahawa penggunaan media sosial tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap prestasi akademik pelajar. Dapatan ini bertepatan dengan beberapa kajian terdahulu yang menyatakan bahawa penggunaan media sosial tidak semestinya memberi kesan negatif terhadap akademik selagi ianya digunakan secara terkawal. Namun, kajian ini mencadangkan agar pelajar mengamalkan pengurusan masa yang lebih baik serta memanfaatkan media sosial untuk tujuan pembelajaran. Kajian ini juga mencadangkan supaya penyelidikan lanjut dilakukan dengan mengambil kira faktor lain seperti gaya pembelajaran, disiplin diri dan penggunaan media sosial untuk tujuan akademik.*

Keywords: *Media Sosial, Pencapaian Akademik, Ketagihan Media Sosial*

Pengenalan

Penggunaan media sosial telah menjadi salah satu aktiviti harian yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan pelajar masa kini. Media sosial merupakan satu bentuk media elektronik yang membolehkan para pengguna menyertai, berkongsi dan mencipta maklumat melalui rangkaian sosial serta pelbagai ruang dan platform dalam dunia maya dengan mudah (Norazlah & Normaliza, 2017). Dengan kemajuan teknologi dan kebangkitan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan TikTok, interaksi sosial antara individu kini dapat dilakukan dengan lebih mudah dan pantas. Pelajar, terutamanya di peringkat pengajian tinggi,

menggunakan media sosial untuk berhubung dengan rakan sebaya, memperoleh maklumat, serta untuk tujuan rekreasi dan hiburan. Namun, persoalan yang timbul adalah sejauh mana penggunaan media sosial ini memberi impak terhadap pencapaian akademik mereka. Al-Menayes (2015) menyatakan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan dapat mengganggu tumpuan pelajar terhadap pembelajaran. Walaubagaimanapun, terdapat juga kajian lain mendapati bahawa media sosial boleh memberikan manfaat dalam meningkatkan pencapaian akademik apabila digunakan dengan bijak, seperti dalam pembelajaran kolaboratif dan pengembangan rangkaian akademik. (Pempek et al. 2009)

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penggunaan media sosial dan pencapaian akademik pelajar. Penelitian ini penting kerana dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana media sosial mempengaruhi kualiti akademik pelajar, baik dari sudut positif mahupun negatif. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis penggunaan media sosial yang memberi kesan langsung kepada prestasi akademik serta faktor-faktor lain yang mempengaruhi hubungan ini. Dengan pengetahuan ini, diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak berwajib dalam merangka strategi atau polisi yang dapat membantu pelajar mengoptimumkan penggunaan media sosial untuk tujuan pembelajaran tanpa mengabaikan prestasi akademik mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh Junco (2012), "The relationship between Facebook use and academic performance", penggunaan media sosial, terutamanya platform seperti Facebook, dapat mempengaruhi prestasi akademik pelajar dalam pelbagai cara, bergantung kepada cara dan tujuan penggunaannya.

Objektif Kajian

1. Mengetahui jumlah masa penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar
2. Mengenalpasti tahap ketagihan media sosial dalam kalangan pelajar
3. Mengenalpasti hubungan antara penggunaan media sosial dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar

Persoalan Kajian

- i. Berapa lamakah masa penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar?
- ii. Sejauh manakah tahap ketagihan media sosial dalam kalangan pelajar?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar?

Tinjauan Literatur

Perkhidmatan rangkaian sosial atau dikenali sebagai media sosial merupakan platform dalam talian yang digunakan oleh para pengguna media sosial untuk membina hubungan sosial dengan individu lain yang mempunyai minat peribadi, karier, aktiviti, latar belakang atau kehidupan realiti yang sama (Obar dan Wildman, 2015). Media sosial juga merujuk kepada laman sesawang yang membolehkan profil peribadi individu dibangunkan sebagai salah satu aktiviti riadah bersama pengguna media sosial yang lain (Sims, Wolf dan Yang, 2017). Berdasarkan konteks di dalam kajian ini, penggunaan media sosial adalah merujuk kepada rangkaian aplikasi yang terkenal dalam budaya masyarakat di Malaysia seperti Facebook, Instagram, Twitter, WhatsApp, Telegram, Tik Tok, YouTube dan lain-lain lagi yang turut menyediakan kemudahan untuk interaksi sosial, permainan video dalam talian, mencari maklumat dan bagi tujuan akademik dalam kalangan pelajar di IPTA.

Ketagihan pula merujuk kepada suatu keadaan kompleks yang melibatkan masalah fungsi otak disebabkan oleh penggunaan bahan atau subjek kompulsif yang memudaratkan. Walaupun individu tahu penggunaan bahan tersebut memberi kesan yang buruk, tetapi mereka tetap menggunakannya (American Psychiatric Association / APA, 2020). Dalam konteks kajian ini, ketagihan media sosial didefinisikan sebagai ketagihan penggunaan internet sebagaimana yang telah disyorkan oleh APA (2020). Ketagihan media sosial merupakan tingkah laku yang merujuk kepada sikap terlalu obses terhadap penggunaan aplikasi media sosial. Ini diburukkan lagi apabila seseorang itu mempunyai dorongan atau desakan yang tidak terkawal untuk menggunakan media sosial serta menghabiskan tempoh masa yang panjang untuk menggunakan media sosial sehingga menjejaskan urusan dan tanggungjawab harian yang lebih utama (Hilliard dan Parisi, 2020).

Pada masa kini khasnya pasca pandemic COVID 19, media sosial banyak digunakan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penggunaan media sosial dalam proses PdP adalah penting seiring dengan Pembelajaran Abad ke- 21 (PAP 21). Penggunaan media sosial dalam proses PdP digunakan secara meluas di peringkat sekolah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) bagi membolehkan para pendidik dan para pelajar meneroka pelbagai maklumat dan pengetahuan (Mohd. Noorhadi & Zurinah, 2017). Selain itu, media sosial juga turut memudahkan interaksi antara pendidik dan pelajar. Para pelajar dapat memperoleh maklumat terkini dan bertukar-tukar maklumat bersama rakan-rakan dan juga pendidik dengan pantas dan mudah (Mohd. Noorhadi & Zurinah, 2017).

Prestasi akademik pula adalah merupakan pengukuran daripada gred akhir yang diperoleh dalam kursus yang diambil oleh pelajar (Elmore, Young, Harris dan Mason, 2017). Prestasi akademik merujuk kepada laporan Purata Mata Nilai Gred (PNGK) pada setiap semester pembelajaran. PNGK telah digunakan oleh kebanyakan institusi pengajian tinggi sebagai ukuran ringkasan prestasi akademik pelajar siswazah mahupun pascasiswazah. PNGK merupakan ukuran yang lebih baik kerana memberi pandangan yang lebih besar tentang tahap prestasi relatif individu dan kumpulan pelajar yang berbeza (Maslin dan Selisa, 2015). Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat hubungan penggunaan media sosial yang melibatkan ketagihan media sosial dengan prestasi akademik pelajar siswazah IPTA.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif di mana penyelidik akan mendapatkan maklum balas daripada responden untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan media sosial dengan tahap pencapaian akademik dalam kalangan mereka. Populasi kajian ini adalah seramai 205 orang yang terdiri daripada pelajar semester 2 - semester 4 di Politeknik METrO Kuantan. Seramai 141 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini berdasarkan formula penentuan saiz sampel kajian oleh Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian pula adalah

menggunakan set borang soal selidik Social Media Addiction Scale Student Form (SMAS-SF) berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Sahin (2018). Satu set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi tujuh item yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti umur, jantina, bangsa, program, himpunan purata nilai mata (HPNM), jenis media sosial yang digunakan serta purata penggunaan media sosial dalam sehari. Bahagian B pula mengandungi 29 item merangkumi empat sub-skala iaitu toleransi secara maya, komunikasi secara maya, masalah maya dan maklumat maya. Setiap item soal selidik ini diukur menggunakan Skala Likert lima mata. Tujuannya adalah untuk melihat sejauh manakah tahap ketagihan media sosial dalam kalangan pelajar terhadap item yang dikemukakan bermula dari 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju dan 5-sangat setuju. Menurut Sahin (2018), skor markah tertinggi adalah sebanyak 145 dan skor markah paling rendah adalah sebanyak 29. Skor tertinggi mewakili tahap ketagihan teruk manakala skor terendah tiada ketagihan terhadap media sosial. Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences versi 27). Data yang diperoleh daripada kajian ini melibatkan analisis statistik deskriptif dan statistik inferens. Skor kekerapan dan peratusan telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama manakala nilai interpretasi skor markah terhadap tahap ketagihan media sosial dalam kalangan pelajar yang diadaptasi daripada kajian Sahithi et al. (2020) telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang kedua sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Ujian Korelasi Pearson pula digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu untuk mengenalpasti samada terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar.

Jadual 1: Pengkelasan Skor Markah Terhadap Tahap Ketagihan Media Sosial Dalam Kalangan Pelajar

Skor Markah	Tahap
29-58	Tidak ketagih
59-87	Ketagihan ringan
88-116	Ketagihan sederhana
117-145	Ketagihan teruk

(Sumber : Sahithi et.al., 2020)

Dapatan dan Perbincangan Kajian

A. Demografi

Jadual 2: Latarbelakang responden

Item	Bilangan	Peratus %
Jantina		
Lelaki	41	29.1
Perempuan	100	70.9
Umur		
18-19 tahun	11	7.8
20-21 tahun	130	92.2
Bangsa		
Melayu	137	97.2
Cina	2	1.4
India	2	1.4
Program		
DHF	85	60.3
DUP	56	39.7
HPNM		
3.50 – 4.00	41	29.1
3.00 – 3.49	81	57.4
2.50 – 2.99	17	12.1
2.00 – 2.49	2	1.4

Merujuk kepada jadual di atas, majoriti responden adalah perempuan iaitu seramai 100 orang bersamaan 70.9% manakala selebihnya 41 orang atau 29.1% merupakan lelaki. Daripada jumlah itu, 92.2% responden berumur 20-21 tahun manakala 7.8% merupakan responden yang berumur 18-19 tahun. Dari segi bangsa, majoriti responden merupakan pelajar Melayu seramai 137 orang bersamaan 97.2% manakala selebihnya 2 orang berbangsa Cina dan 2 orang berbangsa India. Responden terdiri daripada 85 orang (60.3%) pelajar program Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal (DHF) dan 56 orang (39.7%) pelajar program Diploma Pengurusan Pelancongan. Dari segi pencapaian pula, kebanyakan responden mempunyai pencapaian yg cemerlang diukur melalui Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) di mana 122 orang bersamaan 86.5% memperolehi HPNM 3.00 ke atas. Selebihnya adalah 17 orang (12.1%) memperolehi HPNM 2.50-2.99 dan 2 orang (1.4%) memperolehi HPNM 2.00-2.49.

Jadual 3: Jenis Media Sosial Yang Paling Kerap Digunakan dan Purata Penggunaan Dalam Sehari

Item	Bilangan	Peratus %
Jenis Media Sosial		
Whatsapp	73	53.9
Instagram	10	7.1
Facebook	4	2.8
Tiktok	51	36.2
Purata Penggunaan Dalam Sehari		
< 1 jam	8	5.7
1 – 2 jam	11	7.8

3 – 4 jam	28	19.9
5 – 6 jam	73	51.8
> 6 jam	21	14.9

Merujuk kepada jadual di atas, penggunaan media sosial dalam kalangan responden menunjukkan bahawa Whatsapp merupakan platform yang paling kerap digunakan iaitu seramai 73 orang responden (53.9%). Ini diikuti oleh TikTok (36.2%), Instagram (7.1%), dan Facebook (2.8%). Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Omar et al. (2021) yang mendapati bahawa Whatsapp sering digunakan oleh pelajar sebagai medium komunikasi akademik kerana kemudahannya dalam berkongsi maklumat dan bahan pembelajaran. Namun, penggunaan TikTok yang tinggi dalam kalangan pelajar menimbulkan kebimbangan kerana kajian oleh Al-Adwan et al. (2022) menunjukkan bahawa penggunaan media sosial berbentuk hiburan secara berlebihan boleh mengurangkan produktiviti akademik.

Selain itu, purata penggunaan media sosial dalam sehari menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar (51.8%) menghabiskan antara 5 hingga 6 jam sehari di media sosial, manakala 14.9% pelajar menggunakan lebih daripada 6 jam sehari. Kajian oleh Junco (2015) mendapati bahawa penggunaan media sosial lebih daripada 3 jam sehari boleh memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik kerana ia mengurangkan masa ulangkaji dan tumpuan terhadap tugas. Hanya 5.7% pelajar menggunakan media sosial kurang daripada satu jam sehari, yang mungkin memberi kelebihan dalam pengurusan masa mereka untuk akademik.

Dalam konteks hubungan antara penggunaan media sosial dan pencapaian akademik, penggunaan media sosial secara berlebihan boleh mengganggu tumpuan pelajar, mengurangkan masa belajar, dan berpotensi menjejaskan prestasi akademik (Kirschner & Karpinski, 2010). Namun, sekiranya digunakan dengan bijak, media sosial boleh menjadi alat sokongan pembelajaran yang berkesan, seperti dalam perbincangan kumpulan di WhatsApp atau akses kepada bahan pembelajaran melalui platform dalam talian (Ainin et al., 2015). Oleh itu, kawalan terhadap penggunaan media sosial adalah penting bagi memastikan keseimbangan antara hiburan dan tanggungjawab akademik.

B. Analisis Social Media Addiction Scale Student Form (SMAS-SF)

Jadual 4 : Analisis SMAS-SF

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
B1	5	3.5	21	14.9	47	33.3	44	31.2	24	17.0
B2	3	2.1	15	10.6	33	23.4	58	41.1	32	22.7
B3	18	12.8	23	16.3	34	24.1	52	36.9	14	9.9
B4	12	8.5	24	17.0	35	24.8	48	34.0	22	15.6
B5	16	11.3	28	19.9	48	34.0	39	27.7	10	7.1
B6	15	10.6	42	29.8	43	30.5	37	26.2	4	2.8
B7	32	22.7	43	30.5	35	24.8	25	17.7	6	4.3
B8	19	13.5	30	21.3	53	37.6	31	22.0	8	5.7
B9	23	16.3	26	18.4	37	26.2	49	34.8	6	4.3
B10	8	5.7	31	22.0	33	23.4	55	39.0	14	9.9
B11	29	20.6	28	19.9	48	34.0	33	23.4	3	2.1

B12	17	12.1	26	18.4	30	21.3	44	31.2	24	17.0
B13	21	14.9	35	24.8	37	26.2	42	29.8	6	4.3
B14	17	12.1	34	24.1	44	31.2	32	22.7	14	9.9
B15	58	41.1	36	25.5	26	18.4	18	12.8	3	2.1
B16	30	21.3	54	38.3	29	20.6	24	17.0	4	2.8
B17	28	19.9	44	31.2	37	26.2	27	19.1	5	3.5
B18	5	3.5	36	25.5	45	31.9	48	34.0	7	5.0
B19	54	38.3	40	28.4	24	17.0	18	12.8	5	3.5
B20	20	14.2	44	31.2	31	22.0	34	24.1	12	8.5
B21	42	29.8	41	29.1	30	21.3	24	17.0	4	2.8
B22	28	19.9	45	31.9	38	27.0	25	17.7	5	3.5
B23	51	36.2	35	24.8	35	24.8	19	3.5	1	0.7
B24	57	40.4	36	25.5	29	20.6	17	12.1	2	1.4
B25	14	9.9	17	12.1	30	21.3	48	34.0	32	22.7
B26	7	5.0	2	1.4	29	20.6	65	46.1	38	27.0
B27	8	5.7	29	19.9	26	18.4	56	39.7	23	16.3
B28	9	6.4	18	12.8	29	20.6	52	36.9	33	23.4
B29	9	6.4	15	10.6	30	21.3	55	39.0	32	22.7

Jadual di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar responden tidak sabar untuk menggunakan media sosial (B1), sentiasa mencari sambungan internet untuk mengakses media sosial (B2), dan melayari media sosial sebagai aktiviti pertama selepas bangun tidur (B3). Ini menunjukkan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap media sosial dalam kalangan responden. Kajian oleh Keles, McCrae & Grealish (2020) menyatakan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan boleh menyebabkan gangguan tumpuan, yang akhirnya memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik. Keputusan bagi B4 pula menunjukkan bahawa responden melihat media sosial sebagai alternatif untuk keluar dari dunia nyata, sementara B5 menggambarkan bahawa tanpa media sosial, kehidupan mereka terasa tidak bermakna. Selain itu, B6 menunjukkan bahawa responden lebih suka menggunakan media sosial walaupun berada dalam persekitaran sosial. Menurut kajian yang dijalankan oleh Chukwuere & Chukwuere (2017) mendapati bahawa kebergantungan kepada dunia maya boleh mengurangkan interaksi sosial secara fizikal dan menjejaskan pembangunan kemahiran komunikasi pelajar, iaitu salah satu elemen yang penting dalam pembelajaran akademik. Selain itu, sebilangan besar responden lebih suka menjalin persahabatan dalam talian (B7), menggambarkan diri lebih baik di media sosial (B8) dan merasakan identiti dalam talian mereka berbeza daripada dunia sebenar (B9). Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Blachnio et al. (2016) yang menunjukkan bahawa penggunaan media sosial boleh menyebabkan pembentukan identiti maya yang berbeza yang mungkin mengganggu perkembangan personaliti dan komunikasi sebenar. Selain itu, item pada B10 dan B11 menunjukkan bahawa ramai responden lebih suka berkomunikasi dengan orang lain melalui media sosial walaupun tanpa persetujuan keluarga. Keadaan ini boleh menjejaskan hubungan sosial dalam dunia nyata dan mengurangkan keberkesanan interaksi akademik dalam kelas.

Responden mengakui bahawa mereka lebih suka komunikasi di media sosial berbanding keluar rumah (B13) dan aktiviti media sosial mempengaruhi kehidupan seharian mereka (B14). Sebilangan besar responden juga mengabaikan kerja rumah kerana terlalu banyak menggunakan media sosial (B15) serta mengalami ketidakselesaan jika dipaksa mengurangkan masa penggunaan media sosial (B16, B17). Ini dapat dibuktikan dengan kajian oleh Junco

(2012) yang menyatakan bahawa penggunaan media sosial secara berlebihan boleh mengganggu disiplin akademik, mengurangkan fokus, dan menjejaskan prestasi pelajar. Tambahan pula, item B18 dan B19 menunjukkan bahawa responden mengalami konflik keluarga akibat penggunaan media sosial yang berlebihan, yang boleh membawa kepada tekanan emosi dan gangguan dalam pembelajaran. Keputusan menunjukkan bahawa dunia maya sentiasa menarik perhatian responden (B20) dan sebilangan mereka tidak menyedari keperluan asas seperti makan dan minum ketika melayari media sosial (B21). Ini menunjukkan tanda-tanda ketagihan, seperti yang dibincangkan dalam kajian oleh Andreassen et al. (2012), yang menyatakan bahawa ketagihan media sosial boleh memberi kesan kepada kesihatan mental dan fizikal pelajar. Selain itu, item B22 dan B23 menunjukkan bahawa produktiviti responden berkurangan akibat penggunaan media sosial dan sesetengahnya mengalami masalah fizikal disebabkan oleh ketagihan ini, seperti keletihan dan gangguan tidur.

Walaupun terdapat banyak kesan negatif, dapatan bagi B24 - B29 menunjukkan bahawa responden masih memperoleh manfaat daripada media sosial. Mereka menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat terkini, mengikuti perkembangan kursus, dan berkomunikasi dengan rakan-rakan akademik. Kajian oleh Ainin et al. (2015) menunjukkan bahawa apabila digunakan dengan cara yang terkawal dan bertujuan akademik, media sosial boleh meningkatkan kefahaman dalam pembelajaran, membolehkan akses kepada sumber akademik, dan meningkatkan keterlibatan pelajar dalam perbincangan ilmiah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden cenderung menggunakan media sosial secara aktif, dengan sebahagian besar mengalami kebergantungan yang tinggi, yang berpotensi mengganggu pencapaian akademik mereka. Namun, jika digunakan dengan bijak, media sosial boleh menjadi alat yang berguna dalam pembelajaran. Oleh itu, pelajar perlu mengamalkan kawalan sendiri terhadap penggunaan media sosial dan memberi keutamaan kepada keseimbangan antara hiburan dan akademik.

C. Analisis Interpretasi Skor Markah Terhadap Ketagihan Media Sosial

Jadual 4 : Analisis Ketagihan Media Sosial

Skor Markah	Jumlah		Tahap Ketagihan Media sosial
	Bilangan	Peratusan (%)	
29 – 58	13	9.2	Tidak ketagih
59 – 87	69	49.0	Ketagihan ringan
88 – 116	57	40.4	Ketagihan sederhana
117- 145	2	1.4	Ketagihan teruk

Berdasarkan jadual di atas, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden berada dalam kategori ketagihan ringan hingga sederhana terhadap penggunaan media sosial. Sebanyak 49.0% pelajar mengalami ketagihan ringan, manakala 40.4% lagi berada pada tahap ketagihan sederhana. Hanya sebilangan kecil pelajar (9.2%) tidak mengalami ketagihan, sementara hanya 1.4% sahaja menunjukkan tahap ketagihan yang teruk.

Kajian oleh Junco (2012) turut menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan media sosial secara berlebihan cenderung mengalami gangguan tumpuan, mengurangkan waktu belajar, dan memperoleh keputusan akademik yang lebih rendah. Walaubagaimanapun, tahap ketagihan ringan yang dialami oleh hampir separuh pelajar menunjukkan bahawa media sosial masih

memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka, tetapi belum mencapai tahap yang membimbangkan. Kajian oleh Ainin et al. (2015) mendapati bahawa apabila digunakan secara terkawal, media sosial boleh menjadi alat yang berkesan dalam meningkatkan pembelajaran, memudahkan perbincangan akademik, dan mengakses bahan rujukan dengan lebih cepat. Namun, pelajar yang berada dalam kategori ketagihan sederhana dan teruk perlu diberi perhatian, kerana mereka lebih cenderung mengalami kesan negatif seperti penurunan prestasi akademik, kurangnya interaksi sosial secara fizikal, dan peningkatan tekanan psikologi. Oleh itu, adalah penting bagi pelajar untuk mengamalkan pengurusan masa yang baik dan menggunakan media sosial secara lebih produktif bagi memastikan keseimbangan antara penggunaan media sosial dan pencapaian akademik.

D. Hubungan Antara Penggunaan Media Sosial Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Jadual 5 : Analisis Ujian Korelasi Pearson

	N	r	P
HPNM	141	.078	.357
Purata Penggunaan	141		

Analisis korelasi Pearson telah dijalankan untuk menentukan hubungan antara purata penggunaan media sosial dan pencapaian akademik pelajar di Politeknik METrO Kuantan. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sangat lemah antara kedua-dua pemboleh ubah, $r(141) = 0.078$, $p = 0.357$. Ini menunjukkan bahawa penggunaan media sosial tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar Politeknik METrO Kuantan. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Corsalini & Teklemariam (2014) yang mendapati pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh penggunaan media sosial oleh mereka. Dalam konteks kajian ini, keputusan menunjukkan bahawa walaupun pelajar kerap menggunakan media sosial, ia tidak memberikan kesan yang ketara terhadap pencapaian akademik mereka. Faktor lain seperti pengurusan masa, teknik pembelajaran, dan motivasi pelajar mungkin lebih memainkan peranan dalam menentukan prestasi akademik. Oleh itu, pihak institusi boleh menekankan pendidikan literasi digital untuk membantu pelajar menggunakan media sosial dengan lebih produktif tanpa menjejaskan akademik mereka.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penggunaan media sosial dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Kuantan. Berdasarkan dapatan kajian, Whatsapp dan TikTok merupakan platform media sosial yang paling kerap digunakan, dengan purata penggunaan harian kebanyakannya berada dalam lingkungan 5–6 jam sehari. Selain itu, tahap ketagihan media sosial dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa sebahagian besar responden berada pada tahap ketagihan ringan hingga sederhana, manakala hanya sebilangan kecil berada pada tahap ketagihan teruk.

Hasil ujian Korelasi Pearson menunjukkan bahawa hubungan antara penggunaan media sosial dan pencapaian akademik adalah sangat lemah dan tidak signifikan ($r = 0.078$, $p = 0.357$). Ini menunjukkan bahawa penggunaan media sosial tidak mempunyai hubungan yang kukuh atau tidak memberi kesan langsung terhadap pencapaian akademik pelajar.

Bagi meningkatkan kualiti kajian ini serta mendapatkan dapatan yang lebih menyeluruh, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan seperti menambahkan saiz sampel dengan melibatkan lebih ramai pelajar dari pelbagai program atau institusi lain untuk mendapatkan keputusan yang lebih berkaitan dengan populasi pelajar secara keseluruhan. Selain itu kajian juga boleh dijalankan menggunakan kaedah kualitatif untuk memahami secara mendalam bagaimana pelajar menggunakan media sosial dan bagaimana ianya mempengaruhi pembelajaran mereka.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa penggunaan media sosial tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar di Politeknik METrO Kuantan. Walaupun penggunaan media sosial adalah tinggi dalam kalangan pelajar, ia tidak semestinya memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik selagi ia digunakan dengan baik dan seimbang. Oleh itu, kesedaran tentang pengurusan masa yang berkesan dan penggunaan media sosial secara produktif amat penting bagi memastikan pelajar dapat memanfaatkan teknologi tanpa menjejaskan pencapaian akademik mereka.

Rujukan

- Ainin, S., Naqshbandi, M. M., Moghavvemi, S., & Jaafar, N. I. (2015). Facebook usage, socialization and academic performance. *Computers & Education*, 83, 64-73.
- Al-Adwan, A. S., Albelbisi, N. A., & Hujran, O. (2022). Social media addiction and academic performance: A study among university students. *Education and Information Technologies*, 27(3), 2917-2935.
- Al-Menayes, J. J. (2015). *The impact of social media usage on academic performance of university students*. *International Journal of Information and Education Technology*, 5(3), 226-230.
- American Psychiatric Association (APA). (2020) What Is a Substance Use Disorder? <https://www.psychiatry.org/patients-families/addiction/what-is-addiction>
- Andreassen, C. S., Torsheim, T., Brunborg, G. S., & Pallesen, S. (2012). Development of a Facebook Addiction Scale. *Psychological Reports*, 110(2), 501-517.
- Błachnio, A., Przepiorka, A., Benvenuti, M., Cannata, D., Ciobanu, A. M., Senol-Durak, E., & Durak, M. (2016). Cultural and Personality Predictors of Facebook Intrusion: A Cross-Cultural Study. *Frontiers in Psychology*, 7, 1895.
- Chukwuere, J. E., & Chukwuere, P. C. (2017). The impact of social media on social lifestyle: A case study of university female students. *Gender and Behaviour*, 15(4), 9965-9981.
- Corsalini, N. N. & Teklemariam, G. K. (2014). Relationship between Facebook Practice and Academic Performance of University Students. *Asian Journal of Humanities and Social Sciences*. 2. 2320-9720. Retrived from: https://www.researchgate.net/publication/265600961_Relationship_between_Facebook_Practice_and_Academic_Performance_of_University_Students
- Elmore, W. M., Young, J. K., Harris, S. Mason, D. (2017) The Relationship between Individual Student Attributes and Online Course Completion. *Handbook of Research on Building, Growing, and Sustaining Quality E-Learning Programs*. IGI Global
- Hilliard, J. & Parisi, T. (25 Disember 2020) Social media addiction - addiction center. <https://www.addictioncenter.com/drugs/social-mediaaddiction/>
- Junco, R. (2012). The relationship between Facebook use and academic performance. *Computers in Human Behavior*, 28(1), 187-198.

- Keles, B., McCrae, N., & Grealish, A. (2020). A systematic review: The influence of social media on depression, anxiety, and psychological distress in adolescents. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 79-93.
- Kirschner, P. A., & Karpinski, A. C. (2010). Facebook and academic performance. *Computers in Human Behavior*, 26(6), 1237-1245.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Maslin Masrom & Selisa Usat. Use of Online Social Networking. *Encyclopedia of Information Science and Technology*, Third Edition. 2015. Pages: 8 doi: 10.4018/978-1-4666-5888-2.ch25
- Mohd. Noorhadi Mohd. Yusof & Zurinah Tahir. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan Ipta. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3). Retrified from <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/22483/7079>
- Norazlah Mat Il & Normaliza Abd Rahim. (2017) Tahap penggunaan instagram dalam kalangan pelajar Di Universiti Putra Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 111 - 121.
- Obar, J. A. & Wildman, S. (2015). Social media definition and the governance challenge: An introduction to the special issue. *Telecommunications Policy*. 39 (9): 745-750. <http://doi:10.1016/j.telpol.2015.07.014>.
- Omar, B., Embi, M. A., & Yunus, M. M. (2021). WhatsApp as a tool for academic discussions and learning: A case study among university students. *Asian Journal of University Education*, 17(2), 134-149.
- Pempek, T. A., Yermolayeva, Y. A., & Calvert, S. L. (2009). College students' social networking experiences on Facebook. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30(3), 227-238.
- Sahin, C. (2018). Social Media Addiction - Student Form: The Reliability and Validity Study. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 17(1). Retrieved from: <http://www.tojet.net/articles/v17i1/17117.pdf>
- Sahithi, A., Mane, S. V. & Agarkhedkar, S. (2020). Use of Social Media and Its Effects in School Going Adolescents. *Ind J Youth Adol Health*, 6(2), 20-25.
- Sims, J., Wolf, M., & Yang, H. (2017). Social media? What social media? *Sage Journal*, 17



2nd SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN TEKNIKAL 2025 (2nd SKPPT 2025)

e ISBN 978-629-96540-9-4



ACADEMIC INSPIRED NETWORK

ORGANIZED BY:

